


# DEEP, kaedah baharu nilai prestasi penjawat awam

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Februari 13, 2024 @ 5:31pm

bhnews@bh.com.my



Sistem Penilaian Prestasi Demerit (DEEP) adalah kaedah baharu diperkenalkan bagi menilai prestasi kerja penjawat awam, khususnya ketua jabatan. - Foto hiasan NSTP/Aizuddin Saad

PUTRAJAYA: Kerajaan memperkenalkan kaedah baharu bagi menilai prestasi penjawat awam khususnya ketua jabatan menerusi Sistem Penilaian Prestasi Demerit (DEEP).

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata perkara itu sudah dipersetujui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selain jabatan itu akan menjadi penyelaras sistem berkenaan.

"Ini bermakna semua ketua jabatan akan bermula dengan mata 100 peratus, tiada 'judgement' atau sangkaan, semua adil dan saksama, namun bagi setiap kegagalan untuk mencapai objektif prestasi, akan dikenakan demerit dan akhirnya, jumlah terkumpul digunakan bagi penilaian kepimpinan dan KPI (indeks petunjuk prestasi) ketua jabatan.

"Bagaimanapun, kaedah ini bukanlah bertujuan untuk menghukum atau 'penalised' ketua jabatan, oleh itu saya minta ada juga kaedah untuk menyeimbangkan demerit yang dikenakan ini," katanya pada majlis amanat, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Peguam Negara, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh dan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki.

**DEEP pastikan penjawat awam dinilai secara adil**

Mohd Zuki berkata, tujuan diperkenalkan kaedah penilaian itu adalah memastikan prestasi penjawat awal dinilai secara adil berdasarkan keupayaan dan kesungguhan mereka melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Katanya, ini kerana ada antaranya penilaian terbabit sebelum ini dibuat secara 'pukul rata' apabila tiba masa untuk membuat penilaian prestasi penjawat awam pada hujung tahun.

"Apa yang kita buat DEEP ini ialah mula-mula kita bagi 100 peratus. KSU (Ketua Setiausaha), KP (Ketua Pengarah) kita bagi markah penuh dahulu sebelum demerit.

"Katakan dia tak mencapai KPI ataupun tugas yang gagal dilaksanakan, kita akan potong markah dan perkara ini JPA sokong dan akan melaksanakannya, kita akan buat secara serta-merta," katanya.

Penilaian itu bukan hanya di peringkat KSU atau KP, sebaliknya ketua jabatan, pegawai penilai turut diminta membuat perkara sama untuk memastikan penilaian yang dibuat itu, mencapai objektif, adil serta bersifat progresif.

"Sebagai contoh, Perdana Menteri kata untuk kemajuan projek (kerajaan), minta laporan dibuat, saya sudah nampak laporan itu, tapi saya lihat macam laporan biasa, sekadar kata progress (kemajuan), tidak ada apa impak, setakat tulis laporan.

"(Jadi untuk) bulan pertama ini saya maafkan, bulan kedua kita minta laporan yang lebih progresif dan daripada laporan tuan puan, kita akan jadinya sebagai panduan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada perhimpunan bulanan bersama warga Jabatan Perdana Menteri bulan lalu, mengarahkan semua kementerian, jabatan dan agensi mengemukakan laporan bulanan berkaitan perkembangan serta sumbangan penjawat awam dalam melaksanakan projek kerajaan.

Katanya, laporan terbabit perlu melalui Ketua Pengarah dan Ketua Setiausaha (KSU) kementerian kepada Ketua Setiausaha Negara untuk dimaklumkan kepada beliau.

Anwar berkata, kaedah baharu itu penting supaya semua agenda kerajaan dapat dicerakinkan sama ada dalam peralihan tenaga, transformasi digital, pelan perindustrian atau Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).